


# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



ABDUL LATIP TALIB  
**Mustafa Kamal Ataturk : Wira atau Pengkhianat?**

Negeri Sembilan: Latip dan Keluarga Enterprise,  
2019.

ISBN 97896702234210

## ULASAN

Novel tokoh sejarah Islam Mustafa Kamal Ataturk ini mengisahkan sejarah hidupnya yang dilahirkan pada 19 Mei 1881 sehingga meninggal dunia pada 10 November 1938. Penulis memberikan hujah-hujah yang kukuh berdasarkan fakta dan rujukan dari dalam dan luar negara. Penulis meninggalkan pembaca dengan penilaian masing-masing, adakah beliau seorang wira atau pengkhianat Islam. Buku ini mempunyai 23 bab dan 361 muka surat. Penulis membincangkan tentang kepemimpinan beliau sebagai presiden pertama Turki selepas kejatuhan kerajaan Khalifah Uthmaniah pada Mac 1924 masih.

Dalam bab pendahuluan sehingga ke bab 10, penulis menerangkan asal usul Mustafa Kamal Ataturk yang berasal daripada keturunan Yahudi Dunamah. Yahudi Dunamah adalah golongan Yahudi yang berpura-pura memeluk Islam tetapi sebenarnya masih mengamalkan agama nenek moyang mereka. Penulis juga memetik beberapa kata-kata yang menyatakan keperibadian Mustafa Kamal Ataturk dari kaca mata orang terdekat dengan beliau dan penulis-penulis buku. Salah seorang daripadanya adalah Falih Rifqi iaitu pembantu kepada beliau yang menulis di dalam bukunya yang berjudul *Janqaya* pada halaman 17. Menurutnya, dalam bentuk kesempatan yang ada, terdapat mereka yang mahu mencatat salasilah

keturunan pemimpin mereka. Namun begitu, beliau tidak mahu memberitahu siapa ayah kandungnya. Di dalam Ensiklopedia Yahudi ada menyatakan, sebahagian besar bangsa Yahudi Salonika mengatakan Mustafa Kamal Ataturk itu sebenarnya berasal daripada Yahudi Dunamah. Arnold Toynbee menyatakan perihal nasab Mustafa Kamal Ataturk dengan menyatakan “Sesungguhnya, darah Yahudi mengalir deras di dalam tubuh Mustafa Kamal Ataturk.”

Setelah beliau tamat belajar di kolej tentera di Istanbul, beliau mula aktif dalam politik dan menubuhkan ‘Parti Tanah Air dan Kemerdekaan’ di Damsyik. Penglibatan aktif beliau dalam politik diterangkan dari bab 11 hingga ke bab 15. Pada 29 November 1923 Masihi bersamaan 1341 Hijrah, seluruh rakyat Turki memberikan perhatian kepada persidangan Dewan Perwakilan Nasional Turki yang sedang berlangsung di kota Istanbul. Mereka sedar persidangan tersebut sememangnya penting bagi menentukan masa depan negara Turki. Bagi memenangi kempen tersebut, beliau menyampaikan cita-citanya mahu menjadikan Turki sebagai sebuah negara islam yang maju seperti negara Barat.

Setelah itu, beliau berjaya memenangi kempen dan menjadi presiden Turki yang pertama dan menjadikan Turki sebuah negara republik yang sekular. Sebelum menjadi presiden, beliau telah menjalin hubungan dengan pihak Inggeris. Setelah menjadi presiden, beliau menerima desakan daripada pihak Inggeris untuk menyingkirkan sistem Khalifah Uthmaniah sepenuhnya dan tidak ada lagi penggantinya selepas itu. Akhirnya, beliau mengadakan sidang khas dan seterusnya mengisytiharkan penghapusan sistem khalifah islam, mengusir sultan, keluarga dan penyokongnya keluar dari Turki dan merampas harta mereka. Perubahan ekstrem yang dilakukan oleh beliau mendapat tentangan daripada rakyat Turki namun berjaya dipatahkan dengan menggunakan kekuatan tentera.

Dalam bab 16 hingga ke bab 20, penulis menerangkan pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan beliau. Beliau mendapat penghormatan tertinggi daripada Inggeris dan Yahudi. Inggeris, Perancis dan Rusia sudah berusaha selama berpuluhan tahun tetapi tidak berjaya menumbangkan Kerajaan Uthmaniah. Namun begitu, beliau dapat menumbangkannya hanya dalam masa yang singkat.

Atas nama revolusi, beliau memperkenalkan idea-idea ke arah liberalisme dan sekularisme seperti wanita Turki dibolehkan menanggalkan hijab, dihapuskan pemakaian serban dan digantikan dengan memakai topi koboi seperti bangsa yang maju. Selain itu, beliau juga melakukan perubahan dengan menggunakan sepenuhnya huruf Latin bagi menggantikan huruf Arab. Sekolah agama juga ditutup, undang-undang islam dihapuskan dan digantikan dengan undang-undang Barat. Al-Quran dan azan juga ditukarkan ke dalam bahasa Turki, masjid-masjid ditutup dan Aya Sofia ditukarkan menjadi muzium.

Hari-hari terakhir Mustafa Kamal Ataturk dibincangkan dalam bab ke 21 hingga bab 23. Setelah menderita penyakit radang hati (*lever cyruz*) dan pelbagai penyakit misteri, akhirnya beliau meninggal dunia pada 10 November 1938 dan disemadikan di Ankara. Mayat beliau diletakkan di Muzium Etnografi di Ankara dan 15 tahun kemudian dipindahkan ke memorial Anutkabir. Selepas kematian beliau, pada tahun 1950, rejim beliau berjaya digulingkan oleh Parti Demokrat. Kerajaan dari parti ini lebih mesra Islam tetapi sisa-sisa polisi beliau masih diamalkan.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur khususnya yang meminati tokoh sejarah dunia. Banyak pengajaran yang boleh diambil daripada kisah tokoh ini dan boleh dijadikan teladan kepada masyarakat. Gaya penceritaan yang santai dan mudah difahami yang ditonjolkan oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain kronologi penceritaan yang tersusun dan jelas dari awal hingga ke akhir bab. Kesimpulannya, buku ini amatlah berguna untuk menambah ilmu pengetahuan tentang salah satu tokoh sejarah dunia yang sentiasa disebut-sebut sehingga kini.

Pengulas

**Mazfarina binti Mustafa**

Penolong Pustakawan

Bahagian Sumber Elektronik

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



WAN ROSLAN WAN SALLEH  
**Kuasai Tabiat Orang Kaya**  
Ampang, Selangor : Warna Bestari Enterprise,  
2021.  
ISBN 9789671505328

## ULASAN

Orang ramai begitu teruja menginginkan kehidupan yang luar biasa apabila melihat secara fizikal kekayaan dan kesenangan hidup yang dimiliki orang lain. Ini membuatkan hati kita berdetik dan berdebar-debar mencari formula yang memungkinkan kita pun boleh menjadi kaya seperti mereka. Malangnya, kerana kita tidak punya banyak ilmu, maka kaya yang cuba dicapai adalah kaya segera, seperti terlibat dalam skim cepat kaya.

Semua orang tahu bahawa bijak menguruskan wang adalah disebabkan kita sudah berkerjaya, berkeluarga, bergaji tetap atau mendapat sedikit keuntungan dalam perniagaan dan boleh menyimpan sebahagian daripada wang tersebut sebagai tabungan. Kita sebenarnya lupa bahawa bijak wang bukanlah sekadar mempunyai makanan, pakaian, tempat tinggal dan wang simpanan semata-mata. Kenyataannya, semuanya itu jauh dari sempurna. Perasaan merasa cukup sebenarnya hanya berada di dalam minda sendiri yang membuatkan kita terus menerus statik di dalam zon selesa.

Siapa yang wajib baca buku *Kuasai Tabiat Orang Kaya*? Siapa lagi kalau bukan orang yang ada hati, impian, angan-angan dan harapan untuk jadi orang

kaya. Sungguh pelik kalau keinginan dan kemahuan untuk kaya tidak tersisip dalam hati. Kaya itu subjektif dan maksud kaya tidak sama bagi setiap orang. Namun pengertian kaya yang terbaik ialah ada duit yang tidak akan habis, harta-benda keliling pinggang dan kesihatan tahap optimum serta banyak masa untuk melakukan ibadah.

Bukan itu sahaja, kekayaan yang terhasil ini mengheret pemiliknya ke dalam syurga ketika di akhirat kelak. Orang kaya yang jadi paling ideal di dunia ini ialah mereka yang hidup penuh bahagia, tenang dan paling banyak memberi manfaat kepada orang lain. Persoalannya kini, bagaimana untuk menjadi orang kaya? Maka sebab itu wajar dan disarankan membaca buku kedua tulisan Tuan Roslan Wan Salleh iaitu *Kuasai Tabiat Orang Kaya*. Penulis adalah bekas pekerja di Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang kini sudah bersara untuk menjadi usahawan, pelabur harta tanah, mentor dan penceramah bebas dalam bidang pengurusan kewangan.

Dengan mengetahui dan mencontohi tabiat orang kaya, pembaca sudah pasti teruja untuk menjadi sebahagian daripada mereka. Ada empat kuadron untuk jadi orang kaya secara praktikal dan *logical*. Ilmu ini diperolehi oleh penulis berdasarkan pengalamannya yang sebenar. Penulis juga memberi penekanan supaya menceburi empat bidang berikut untuk menjadi kaya iaitu perniagaan, pelaburan harta tanah, penglibatan dalam pasaran saham dan membuat pelaburan emas. Paling minimum, kita dikehendaki memilih salah satu daripada bidang tersebut untuk menjelaki laluan orang kaya.

Tapi sebelum itu kita disarankan untuk menjana pendapatan aktif, kukuhkan pendapatan pasif dan mengembangkannya sehingga wang tersebut boleh bekerja untuk tuannya. Kata-kata nasihat penulis dalam buku ini akan membuat pembaca tidak senang duduk, gementar dan rasa insaf. Ketebalan buku ini cuma 365 muka surat dengan dipadatkan informasi dan ilustrasi yang berwarna-warni. Cara penulisan yang menggunakan bahasa yang santai seolah-olah seperti penulis bercakap dengan para pembaca. Penulis memberikan


pandangan dengan penuh hikmah, beralas dan beradab demi menjaga emosi kita sebagai pembaca.

Selaku pengulas, saya mengesyorkan buku ini menjadi bahan bacaan untuk semua peringkat umur. Buku ini juga memberi panduan awal sebelum kita mengorak langkah untuk mengubah kehidupan. Ia menyediakan platform untuk kita faham dan menjadi seorang yang bijak berbicara soal wang dengan mengikuti dan mempraktikkan perkara-perkara yang kita pelajari dari buku ini nanti. Apa tunggu lagi...jom baca buku untuk jadi orang kaya.

Pengulas

**Eddy bin Indi**  
Pembantu Pustakawan  
Unit Integriti  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ALLAN & BARBARA PEASE  
**The Definitive Book of Body Language**  
(edisi kemas kini)  
Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd., 2018.  
ISBN 9789674811730

## ULASAN

Buku ini secara khususnya mengupas berkenaan dengan ilmu bahasa badan dan kesan penggunaan isyarat bahasa badan yang dapat membantu pembaca memahami cabang ilmu ini serta praktisnya dalam kehidupan seharian. Buku yang mengandungi 18 bab ini memaparkan pelbagai gaya bahasa badan menarik yang perlu kita pelajari sebagaimana yang dinyatakan oleh Mc Garry, bahawa komunikasi bukan lisan terbahagi kepada tiga kategori iaitu komunikasi yang diungkapkan melalui pakaian, melalui pergerakan atau lebih dikenali sebagai bahasa isyarat dan yang ketiga adalah komunikasi dengan tindakan atau bahasa tubuh badan. Menerusi buku "*The Definitive Book of Body Language (edisi kemas kini)*" ini, para pembaca berpeluang mempelajari pelbagai maklumat, fakta-fakta yang diselang-selikan dengan humor berserta strategi yang boleh diamalkan dalam menjalani kehidupan seharian, antaranya ialah memahami asas bahasa badan, keajaiban yang ada pada senyuman dan ketawa, isyarat lengan, gaya tangan dan ibu jari, isyarat bahasa badan Si Penipu. Bagaimana sepasang kaki mendedahkan apa yang minda kita mahu lakukan serta isyarat rahsia menerusi penghembusan asap rokok, pandangan mata, dan solekan wajah seseorang.

Pada permulaan penulisan buku ini, penulis berkongsi mengenai "*Memahami Asas Bahasa Badan*". Bahasa badan merupakan salah satu pengetahuan yang perlu ada pada individu kerana setiap daripada kita adalah seorang pemimpin. Dengan mengetahui bahasa badan seseorang, kita boleh 'tackle' individu tersebut dengan mudah, manakala tindakan kita tersebut pula adalah selangkah lebih cepat daripada orang lain. Pembaca pula boleh mengetahui apa yang sepatutnya kita lakukan seterusnya dengan hanya berjabat tangan. Anda boleh membuat banyak andaian mengenai seseorang itu dengan hanya berjabat tangan dengan mereka.

Pembaca dapat mempelajari refleksi luaran seseorang berkait dengan situasi emosi mereka. Ini adalah kunci bagi mengenal pasti jenis emosi yang dialami oleh seseorang pada masa itu. Sebagai contoh, seorang lelaki yang menyedari dirinya semakin gemuk akan mencubit kulit di bawah dagunya manakala seorang wanita yang menyedari pahanya semakin berisi akan membetulkan kain skirt yang dipakainya serta seseorang yang sedang takut atau sedang '*defensive*' diri mungkin akan memeluk tubuhnya atau menyilang kakinya ataupun melakukan kedua-duanya sekali.

Akhir penulisan buku ini membincangkan bab "*Menghimpunkan Semuanya Bersama*" yang memberi penekanan terhadap senario sosial serta memberikan kita peluang melihat tahap penguasaan kita terhadap bahasa badan ataupun *body language*. Kajian menunjukkan sekiranya kita mengubah bahasa badan, kita dapat mengubah banyak perkara dalam kehidupan sehari-hari seperti *mood* sebelum keluar dari rumah, berasa lebih berkeyakinan di tempat kerja, menjadi lebih disukai, lebih mempengaruhi dan peningkatan keyakinan diri. Para pembaca perlu mempelajari cara mengubah bahasa badan mereka untuk memudahkan interaksi dan tindak balas dengan orang di sekeliling mereka.


Selaku pengulas, saya mengesyorkan buku ini untuk dijadikan rujukan kepada pembaca bagi semua peringkat umur termasuklah ahli politik, ahli

perniagaan, pakar motivasi, majikan, kaunselor, ketua-ketua jabatan kerajaan, penjawat awam dan swasta, pensyarah, penceramah serta sesiapa sahaja yang mahu mengaplikasikan ilmu ini dalam kehidupan seharian. Apabila pembaca mula memahami dan menguasai bidang ini, mereka tidak lagi berasa kekok berinteraksi dengan orang lain kerana kita tidak hanya menganalisis situasi berdasarkan komunikasi lisan semata-mata apabila berhubung. Pembaca juga mampu membebaskan diri daripada individu-individu dominan yang ingin mengambil kesempatan bagi menguasai diri kita.

Pengulas

**Erlina binti Roslan**  
Penolong Pustakawan  
Bahagian Pinjaman  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ABDUL AZIZ HUSSIN  
**Menulis Buku Secara Bijaksana**  
Kuala Lumpur:Legasi Press Sdn, Bhd., 2019.  
ISBN 9789834919542

## ULASAN

Buku ini membincangkan secara terperinci terhadap tujuan, konsep dan falsafah yang perlu dilakukan dalam penghasilan sesebuah karya penulisan buku. Turut dibincangkan di dalam buku ini ialah ‘pelan tindakan’ atau strategi yang meliputi peringkat tindakan oleh seseorang penulis dan persediaan dalam menghasilkan sesebuah buku. Buku yang mengandungi 162 muka surat ini mengandungi 4 bab dan setiap bab membincangkan perancangan dan persediaan awal untuk memulakan penulisan buku.

Bab pertama menerangkan mengenai jenis, tujuan dan prinsip-prinsip asas dalam membangunkan sesuatu naskhah penulisan buku. Turut disentuh nasihat dan pesanan daripada tokoh-tokoh yang terkenal dalam bidang penulisan kepada individu-individu yang berminat bagi menghasilkan sesuatu karya penulisan buku.

Pada bab kedua, disentuh berkenaan persiapan dari segi mental dan fizikal sebelum memulakan penulisannya. Perkara ini adalah penting untuk memastikan penulis lebih teliti dalam menghasilkan sesuatu karya penulisan. Peringkat seterusnya penulis membincangkan mengenai kerja-kerja penyelidikan

bagi memperolehi maklumat serta fakta-fakta dalam membangunkan sesuatu karya supaya ia dapat digunakan oleh setiap pembaca.

Bab ketiga, menghuraikan mengenai pantang larang penulisan buku yang diperuntukkan dalam perundangan di Malaysia. Seorang penulis tidak boleh menulis hal-hal yang melibatkan pihak-pihak berkuasa di Malaysia serta perkara sensitif yang boleh mengancam ketenteraman awam, serta perkara menyentuh rahsia rasmi sesebuah organisasi.


Bab keempat iaitu bab terakhir, penulis memberikan pesanan dan nasihat kepada pembaca yang ingin menjadi penulis dan menerbitkan buku agar mempunyai jati diri yang tinggi, tabah dan sentiasa berfikiran positif supaya dapat menghasilkan karya penulisan yang baik serta bermanfaat kepada para pembaca. Bab ini dapat memberikan motivasi kepada individu yang berminat untuk menulis buku agar dapat memberikan ilmu kepada orang lain. Penulis juga mengingatkan penerbitan buku yang dihasilkan agar mempunyai kejituhan dari segi fakta.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada mereka yang ingin memulakan penulisan buku agar ia dapat dijadikan sebagai panduan. Buku ini juga sesuai dijadikan sebagai perkongsian ilmu bersama ahli keluarga dan sahabat handai. Penerangan yang menarik yang cuba ditonjolkan oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Secara keseluruhan, buku ini sangat berguna untuk dibaca kepada mereka yang ingin memulakan penulisan agar dapat dapat menambahkan motivasi dalam menghasilkan sebuah karya buku yang baik.

Pengulas

**Nur Ida Hafizah binti Hamza**  
Pembantu Pustakawan  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



**Minda Maqasid : Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi Selaras Tuntutan Maqasid Syariah**  
Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,  
2020.  
ISBN 9789830426464

## ULASAN

Buku penerbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ini bertujuan membentuk pemahaman Maqasid Syariah yang dikehendaki oleh syarak. Buku ini sesuai untuk dijadikan asas kerangka strategik bagi menguruskan pentadbiran negara serta keperluan rakyat tanpa mengira agama mahupun bangsa. Kaedah pengukuran saintifik bagi maqasid syariah telah diwujudkan di Malaysia meliputi fasa permulaan iaitu perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya prasarana dan persekitaran serta sosial. Buku ini telah diolah dalam bentuk grafik berwarna warni bagi menarik minat pembaca.

Bab dua (2) bertajuk “Sepintas Lalu Mengenai Maqasid Syariah” memberi penjelasan mengenai tujuan sesuatu pensyariatan itu diturunkan oleh para ulama. Tujuan memelihara agama (Addin) adalah untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi di peringkat persekutuan, manakala agama-agama lain pula boleh diamalkan secara harmoni sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Bab ini menekankan kepada tujuan, rahsia atau hikmah hukum syarak kepada kemaslahatan manusia dengan diberi definisi yang tersendiri.

Bab tiga (3) bertajuk “*Asas Minda Maqasid*”, menerangkan lima (5) prinsip Maqasid Syariah dalam tabdir urus iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Bab ini mengandungi peta minda dalam bentuk grafik supaya dapat memberi gambaran secara jelas kepada pembaca.

Bab 4 bertajuk “*Bagaimana Membina Minda Maqasid Syariah*” memfokuskan kepada empat kaedah berdasarkan Al-Raysuni (1999). Bagi membina minda Maqasid Syariah yang bersifat dinamik, segala tuntutan semasa perlu ditangani dengan cekap dan berkesan. Penentuan objektif berdasarkan nas-nas mengikut syarak juga diberi penekanan. Namun dalam membina “Minda Maqasid”, seseorang perlu mengetahui cara membezakan antara objektif atau wasilah. Wasilah bermaksud jalan perhubungan untuk mencapai sesuatu matlamat.

Bab 5 bertajuk “*Mengapa Saya Perlu Berfikir Cara Maqasid?*” membincangkan bagaimana cara kita berfikir. Dengan berfikir secara Maqasid, dapat membantu membuat kita membuat keputusan yang berlandaskan syarak. Bab 6 bertajuk “*Apa yang Diperlukan untuk Membina Minda Maqasid*”. Bab ini mengulas berkenaan “Minda Maqasid” yang tidak boleh dibentuk atas hawa nafsu atau pemikiran logik akal semata-mata. Dalam melahirkan pemikiran yang rasional, kepakaran dalam bidang syariah amat perlu sebagai sumber rujukan. Terdapat lima elemen dalam pembentukan Minda Maqasid oleh Iman al-Ghazali yang boleh dijadikan sebagai panduan.


Bab seterusnya bertajuk “*Bagaimana Saya Perlu Berfikir Cara Maqasid Syariah?*” mengolah cara seseorang itu berfikir melalui corak pemikirannya. Melalui “Minda Maqasid”, pemikiran kita tidak hanya terhad kepada dunia semata-mata tetapi menekankan kepada kemaslahatan dunia dan akhirat. Bab “*Minda Maqasid dalam Tadbir Urus Negara*” pula lebih menekankan kepada cara mentadbir negara mengikut perubahan zaman.

Kesimpulannya, buku ini sangat bermanfaat untuk dibaca oleh semua individu yang ingin mendapatkan informasi mengenai peranan Maqasid Syariah pada individu atau di dalam tadbir urus negara. Penerangan berserta grafik yang berwarna yang menarik memberikan lebih kefahaman kepada pembaca untuk memahami maksud yang ingin disampaikan bagi mencapai “Minda Maqasid” dikalangan masyarakat di Malaysia.

Pengulas

**Noor Alia Hanim binti Mohamad Hassan**  
Penolong Pengarah (S41)  
Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ZARITA HJ. KASIM  
**Bingkisan Interaksi Buat Inspirasi**  
Shah Alam, Selangor : Zarita Hj. Kasim, 2021.  
ISBN 9789671980705

## ULASAN

Buku motivasi ini merupakan adunan kisah dari pengalaman hidup penulis. Penulis memiliki kepakaran selama 10 tahun dalam bidang komunikasi dan pernah bergelar penerbit juga merangkap penyampai dalam pelbagai program berunsurkan ilmu pengetahuan dan motivasi. Penulis merupakan seorang Perunding Korporat, Jurulatih dan “coach” bertauliah daripada Perbadanan Sumber Malaysia Berhad (PSBD), “Certified Development Coach IDM-USA”, “Certified DISC Profile Analyst” dan Jurulatih bertauliah “Midbrain Activation Programme” MBM Master Training. Beliau telah mengendalikan ratusan sesi kursus dan latihan berkaitan Komunikasi, Pengurusan Stres, Penyampaian Berkesan, Motivasi dan Pembangunan Profesionalisme serta Pembangunan Diri.

Pengalaman penulis yang luas dalam bidang penerbitan dan komunikasi telah mendorong penulis menghasilkan satu buku yang akan memberi manfaat kepada masyarakat. Penceritaan dan penyusunan intipati yang disampaikan melalui lenggok bahasa yang menarik dan santai memudahkan serta memberikan pemahaman yang menyeluruh kepada pembaca. Menyalak helaian demi helaian, menjentik bukan sahaja minda, tetapi juga emosi pembaca.

Pembaca akan turut merasai pengalaman yang dilalui penulis menerusi penulisannya.

Pengalaman dan kepakaran beliau lalui telah digarap dengan baik dan setiap naskhah cerita yang dikongsikan adalah merupakan elemen-elemen penting dalam bidang ekonomi, pekerjaan, pelajaran dan bermacam-macam potensi positif kepada kehidupan manusia. Setiap situasi diberikan sudut pandang Islam menjadikan buku ini sangat istimewa. Dalam bab pertama bertajuk “tak kenal maka tak cinta”, penulis berkongsi kepada para pembaca mengenai perasaan mencintai Allah dan Rasulnya lebih daripada yang lain. Cinta kepada Allah ini adalah perkara paling tinggi dan ia adalah arah tuju kita yang terakhir. Kesempurnaan manusia terletak di dalam cinta kepada Allah. Pada pendapat saya, penulis telah berjaya menarik perhatian pembaca daripada permulaan buku.

Dalam bab kedua bertajuk “tidak rugi menjaga pagi”, penulis mengatakan kelebihan memulakan hari seawal waktu pagi adalah dapat menghirup udara yang sihat dan segar. Penulis turut berkongsi ini adalah kunci kehidupan dan kunci yang membuka pintu rezeki oleh Allah SWT. Proses ini disampaikan melalui sebuah kisah seorang lelaki *Non-Muslim* yang setiap pagi akan membawa 8 ekor hingga 9 ekor anjing yang merupakan haiwan peliharaannya untuk dibawa bersenam bersamanya. Tujuannya adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan haiwan berkenaan dengan menghirup udara segar yang mampu meningkatkan tahap kecerdasan dan kecerdasan mereka. Beberapa potongan hadis dan ayat Al-Quran diselitkan bagi menggalakkan pembaca meneruskan pembacaan.

Bab ketiga bertajuk “Nikmat Senyum”. Penulis memulakan penceritaan dengan mengimbau kembali situasi bersama rakan lama yang berkunjung ke rumahnya. Seterusnya, semasa mereka membelek album gambar, rakan penulis telah tertarik dengan sebuah gambar yang menampilkan anak penulis sedang tersenyum gembira apabila dapat memakai pakaian seperti seorang puteri raja. Rakan penulis memberitahu bahawa senyuman di dalam gambar tersebut adalah sangat cantik, manis dan datangnya dari hati. Daripada kisah ini, penulis

mengaitkan bahawa senyuman yang ikhlas mampu mempengaruhi kehidupan seseorang tetapi juga merupakan satu ibadah.

“Belajar Istiqomah Dalam Percintaan” merupakan bab keempat yang menceritakan tentang sifat konsistensi dalam mencapai matlamat dan tujuan, atau kata nama lain “Istiqomah”. Penulis berkongsi sebuah cerita bagaimana seorang kanak-kanak berumur 6 tahun bernama Paul Rokich dari Amerika Syarikat yang tinggal di kawasan tandus telah dicerca kerana kawasan kediamannya hodoh. Oleh itu, kanak-kanak itu telah menyimpan hasrat untuk mencantikkan kawasan tersebut dengan tumbuh-tumbuhan yang indah. Kanak-kanak tersebut telah meningkat dewasa dan berusaha menanam biji-biji benih. Walaupun diketawakan oleh orang ramai dan pensyarahnya, beliau tidak putus asa. Akhirnya selepas 15 tahun, anak-anak pokok yang ditanam telah membesar dengan subur dan binatang-binatang seperti arnab dan landak mula muncul di kawasan tersebut. Daripada kisah ini, penulis menegaskan bahawa konsistensi atau istiqomah dalam melakukan sesuatu pastinya menjanjikan lebih kebahagiaan. Jangan sesekali berputus asa kerana perasaan itu akan merugikan diri kita sendiri untuk mencuba perkara baharu dan mengubah pandangan kita kepada perubahan yang kita akan hadapi dalam kehidupan

Bab kelima buku ini menghuraikan tentang pegangan atau kebergantungan kita dalam meneruskan kehidupan sehari-hari. Penulis mengatakan bahawa satu perkara yang harus kita sedari ialah apa sahaja yang kita harapkan, impikan atau mahukan adalah sebenarnya bergantung pada takdir yang ditentukan secara mutlak oleh Allah SWT yang telah dirancang dan ditentukan demi kebaikan umatNya. Penulis menceritakan kisah pemuda Al-Kahfi yang tercoret dalam Al-Quran, 7 pemuda tersebut telah melarikan diri daripada pemerintah yang zalim demi mengekalkan ketaqwaan dan keimanan mereka. Mereka telah ditidurkan di dalam sebuah gua selama 309 tahun dan Allah telah memelihara tubuh serta pakaian mereka daripada hancur dan reput dengan membalik-balikkan badan mereka ketika tidur.

Bab seterusnya adalah berkaitan kepentingan berkomunikasi. Komunikasi dapat membentuk persefahaman dan menyuburkan persahabatan, memelihara kasih sayang, menyebarkan pengetahuan, dan melestarikan peradaban. Bukan itu sahaja, komunikasi juga mampu mengakibatkan perpecahan, permusuhan, kebencian, merintangi kemajuan dan menghambat pemikiran. Komunikasi sememangnya satu cabaran kerana melibatkan perkara seperti bahasa, sebutan, makna, slanga, bahasa tubuh, memek muka dan sebagainya. Penulis memberi panduan komunikasi yang diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW melalui hadisnya, iaitu Rasulullah SAW akan mengulangi sebanyak 3 kali dan juga berkata-kata dengan jelas dan menggunakan perkataan yang mudah.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur malah boleh dikongsi bersama dan menjadi nasihat kepada yang lain. Penerangan yang menarik berserta kata-kata semangat dan cerita yang dikaitkan menarik dan mudah untuk pembaca memahami motif yang ingin disampaikan oleh penulis. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca oleh semua individu yang inginkan kejayaan dan untuk menambahkan semangat dan motivasi diri.

Pengulas


**Norfazera binti Muhamad Azmi**

Penolong Pengarah

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



RAVI NAMBIAR

**Takhta Johor : 10 Tahun Pemerintahan DYMM  
Sultan Ibrahim**

Johor Bahru : RPO Media Services, 2022.

ISBN 9786299682806

## ULASAN

Buku ini menceritakan tentang peristiwa-peristiwa semasa pemerintahan DYMM Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang akan menjadi sebuah sejarah kepada Negeri Johor di atas kejayaan dan sumbangan baginda terhadap rakyat. Buku ini bukan sahaja memahatkan satu imbasan memori, malah mengimbau pelbagai kejayaan dan mercu tanda pemerintahan serta pentadbiran beliau yang telah dirakam menerusi lensa-lensa jurugambar Royal Press Office dengan kerjasama daripada Pejabat Media Komunikasi Keluarga Diraja Johor.

DYMM Sultan Ibrahim diputerakan pada 22 November 1958 di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan baginda merupakan putera sulung kepada Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail dan Almarhum Enche' Besar Hajah Khalsom Abdullah. Baginda merupakan pelajar di Trinity Grammar School di Sydney Australia pada tahun 1968 hingga 1970, sebelum meneruskan pelajaran menengah di English College (Maktab Sultan Abu Bakar) dari tahun 1971 hingga 1975. Selain itu, Baginda juga sangat aktif dalam penglibatan diri dalam aktiviti ketenteraan yang turut dijadikan asas bagi membina semangat juang, disiplin serta perwatakan yang berwibawa. Baginda turut ditauliahkan

sebagai anggota pasukan SEAL (Tentera Darat, Laut dan Udara). Seterusnya, Baginda juga pernah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Johor dan ditempatkan di pelbagai jabatan bagi mempelajari aspek-aspek pengurusan serta pentadbiran negeri tersebut.

Seterusnya, Sultan Ibrahim dikenali sebagai Ketua Negeri yang menjadi tulang belakang kepada rakyat di Negeri Johor kerana baginda mempunyai sifat yang amat tegas dari segi kepimpinan demi kemajuan serta pembangunan Negeri Johor. Hubungan Johor dan Kerajaan Persekutuan juga terjalin dengan baik apabila Baginda sentiasa menerima menghadap Menteri-Menteri Persekutuan untuk bertukar pendapat dan buah fikiran bagi membangunkan dan memajukan negara ini.

“Rakyat akan sentiasa menilai prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh setiap wakil rakyat. Oleh itu, tunaikanlah tanggungjawab untuk membawa suara dan kehendak rakyat, bukannya bersuara serta bertindak untuk kepentingan diri sendiri,” itulah yang Baginda suarakan bagi menunjukkan semangat beliau untuk membela dan menjaga hak-hak rakyat Johor. Selaku Ketua Agama, DYMM Sultan Ibrahim memainkan peranan yang cukup besar dan penting kepada umat Islam di Negeri Johor. Baginda juga sangat prihatin akan nasib bangsa lain yang menetap di Negeri Johor kerana mereka juga akan dipastikan tidak ketinggalan dari segi ekonomi dalam arus kepesatan pembangunan Negeri Johor.

Baginda juga sentiasa berusaha menjadikan Johor sebuah negeri yang maju dan progresif bagi membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyatnya. Baginda sangat mengambil berat tentang pembangunan negeri seperti infrastruktur bandaraya, kelestarian alam sekitar, kemajuan sukan, pelancongan dan lain-lain. Banyak pembangunan yang telah menjadi buah mulut masyarakat tempatan dan mahupun rakyat luar negara mengenai pembangunan Negeri Johor antaranya ialah pembinaan Stadium Sultan Ibrahim yang terletak di Iskandar Puteri, yang merupakan stadium baharu yang mampu memuatkan 40,000 penonton dan mempunyai sistem pencahayaan yang moden. Pada tahun


2022, Baginda juga telah menyempurnakan majlis pecah tanah Projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link yang menghubungkan Johor Bahru dengan Singapura pada 22 November 2020. RTS Link merupakan sistem yang mengerat hubungan Singapura dan Negeri Johor.

Saya selaku pengulas buku, amat berbangga dengan DYMM Sultan Ibrahim atas keprihatinan beliau menjaga hak-hak rakyat terutama kebajikan rakyat di Negeri Johor. Saya juga mengesorkan buku ini kepada para pembaca kerana buku ini dapat meningkatkan semangat agar kita sentiasa berdisplin untuk menuju kejayaan seperti Baginda yang telah menempa nama di seluruh pelusuk dunia dengan kejayaan dalam pemerintahannya di Negeri Johor. Kesimpulanya, buku ini juga mengandungi banyak kata-kata semangat daripada baginda sendiri untuk rakyatnya yang dapat memotivasi diri kita di masa akan datang.

Pengulas

**Nur Hafizah binti Mohamed Hanifa**  
Pembantu Pustakawan (S19)  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN)  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



NURULHUDA AHMAD ZAKI  
**Ilmu Miqat dalam Astronomi Islam**  
Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2021.  
ISBN 9789674881795

## ULASAN

Ilmu miqat ialah ilmu warisan atau tradisi ulama silam. Usia ilmu miqat sudah mejangkau lebih 700 tahun. Namun ilmu ini masih kekal utuh diwarisi zaman berzaman di Malaysia. Pada masa tersebut, umat Islam menghadapi cabaran dalam penentuan waktu-waktu ibadah ketika Islam mula tersebar luas ke serata wilayah dan ceruk rantau. Para sahabat yang berjauhan daripada Nabi SAW mula menggunakan kaedah ijтиhad untuk menentukan arah kiblat, solat dan awal bulan Islam. Jika sebelum itu segala permasalahan dapat diselesaikan selepas merujuk kepada Baginda, namun apabila para sahabat mula bermusafir untuk meluaskan agama Islam, permasalahan mula timbul dalam penentuan waktu ibadah ini. Ini menyebabkan kemunculan kaedah-kaedah ijтиhad yang berpandukan pada pemerhatian terhadap buruj, matahari, bulan dan bintang dalam penentuan waktu-waktu ibadah umat Islam. Namun, kaedah tersebut mudah terdedah kepada ralat yang tinggi.

Pada abad ke-7 Masihi, berlaku perkembangan dan penerapan ilmu daripada tamadun-tamadun luar seperti India, China dan Yunani ke Tanah Arab. Di antara ilmu tersebut adalah astronomi dan matematik. Para ilmuwan Islam mengambil peluang mempelajari dan menguasai ilmu yang diperoleh ini sebagai

penentuan waktu solat, arah kiblat dan awal bulan Islam. Mereka mengkaji dengan teliti berdasarkan rujukan al-Quran, hadis Nabi SAW, astronomi Islam, matematik dan peralatan yang telah mereka hasilkan. Akhirnya, muncul kaedah hitungan pertama dalam penentuan ibadah umat Islam yang dikenali dengan nama ilmu miqat. Kaedah ini merupakan suatu penyelesaian masalah dalam aspek penentuan waktu-waktu ibadah umat Islam. Kemunculan kaedah ini merupakan suatu pencapaian hebat di kalangan ilmuwan Islam, sekali gus menunjukkan sumbangan mereka kepada dunia Islam, khususnya dalam bidang astronomi Islam.

Selain itu, usaha ulama falak membawa ilmu miqat ke Tanah Melayu sekitar abad ke-18 Masihi perlu dihargai. Mereka sanggup merantau dan mempelajari ilmu ini di Makkah dan seterusnya membawanya ke Tanah Melayu. Ulama tersebut telah membuka sekolah-sekolah agama pondok dan mengajarkannya kepada anak tempatan telah meletakkan ilmu miqat sebagai suatu ilmu yang penting dan mendapat tempat dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia.

Mempelajari dan memahami kaedah hitungan dalam ilmu miqat bukanlah suatu proses yang mudah. Seorang pengguna perlu memahirkan diri terlebih dahulu dalam aspek penggunaan alat rubu' mujayyab. Seterusnya mereka perlu bertalaqqi dengan pakar untuk memahami bagaimana proses hitungan yang menggunakan rubu' mujayyab tersebut. Ia merupakan suatu kaedah yang rumit dan memerlukan kesungguhan untuk menguasainya. Tanpa melalui pembelajaran secara bertalaqqi tersebut, maka proses pembelajaran tidak mungkin akan berjaya.

Oleh yang demikian, bagi memartabatkan ilmu miqat sebagai suatu warisan dalam astronomi Islam, penulis menghasilkan buku ini dengan mengetengahkan konsep dan kaedah perhitungan ilmu miqat menggunakan rubu' mujayyab. Namun, bezanya hanyalah kaedah perhitungan tersebut diterangkan dari perspektif astronomi Islam. Selain itu, banyak istilah asal dalam

kaedah ilmu miqat diharmonikan dan diterangkan kembali menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami. Menerusi buku ini juga, pembaca dapat melihat perkaitan antara konsep ilmu miqat dengan astronomi Islam masa kini. Malah, pembaca juga dapat mengetahui bagaimana perhitungan arah kiblat dan waktu-waktu solat menerusi kaedah ilmu miqat.


Buku ini ditulis sebagai rujukan kepada para pelajar sekolah, universiti, siswazah, penyelidik, ahli-ahli falak sama ada di Malaysia atau luar negara, pejabat mufti, jabatan kerajaan, masyarakat Islam serta pihak-pihak berkepentingan sama ada daripada dalam atau luar negara. Semoga dengan terbitnya naskhah ini memberikan manfaat demi kepentingan kita sebagai umat Islam.

Pengulas

**Nurul Athirah binti Mat Isa**

Penolong Pengarah  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ROS AIZA MOHD MOKHTAR, LATIFAH ABDUL LATIFF  
**Falsafah dan Isu Semasa**  
Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan : Penerbit USIM, 2022.  
ISBN: 9789670001203

## ULASAN

Berdasarkan penelitian, buku ini dihasilkan daripada kerjasama beberapa pensyarah yang terlibat secara langsung dalam pengajaran kursus falsafah dan isu semasa berdasarkan silibus dan bahan-bahan yang dibekalkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) untuk pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Objektif utama penulisan buku ini untuk dijadikan rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran kursus ini khususnya di Universiti Sains Islam Malaysia bagi membina jadi diri dan memupuk kecintaan kepada nilai-nilai Islam dan kebudayaan negara.

Buku ini mengandungi 8 bab yang membincangkan ruang lingkup ilmu falsafah, kepentingan, impak aliran falsafah barat dan disertakan dengan soalan-soalan aktiviti bagi memudahkan pembelajaran. Berdasarkan semakan keseluruhan, buku ini dihasilkan berdasarkan hasil rujukan dari penulisan berkaitan falsafah pendidikan kebangsaan, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), kajian Islam dan barat, sumber al-Quran, keratan akbar, Jurnal Sains Insani, serta rujukan kajian yang berkaitan subjek falsafah.

Perbincangan merangkumi penjelasan asas dan kerangka pembinaan falsafah dalam masyarakat dari segi definisi, makna, konsep, tujuan dan sejarah perkembangan ilmu falsafah. Ia turut menerangkan peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk penyediaan rakyat Malaysia mendepani cabaran global abad ke-

21 dan peranan Rukun Negara sebagai Tiang Negara dalam mendokong Wawasan Falsafah Sejahtera.

Dalam bab pertama, buku ini dimulakan dengan pengenalan kepada ilmu falsafah seterusnya cabang-cabang falsafah dan akhirnya berkisar dengan isu semasa yang berkaitan falsafah. Bab 2 dihuraikan berkaitan perkembangan aliran falsafah dari zaman Yunani klasik ke zaman moden, kepentingan dan fungsi falsafah atau pandangan alam dalam kehidupan. Ia turut disertakan dengan contoh-contoh persoalan berkaitan cabang tersebut, pandangan ahli falsafah Islam, falsafah sains Islam dan kemunculan beberapa aliran falsafah yang mewarnai bidang ilmu pengetahuan.

Seterusnya, bab 3 adalah berkaitan falsafah berfikir yang membawa pembaca untuk memahami logik dari perspektif konsep, sejarah dan kepentingan ilmu logik dalam penggunaan seharian. Pada bab 4, penulis menjelaskan konsep insan daripada pandangan falsafah Timur dan Barat merangkumi asal-usul insan serta konsep-konsep utama yang menjadi ciri-ciri keinsanan melalui perbandingan dualisme. Bab ini juga mengandungi analisis berkaitan faham insan sejahtera dalam mendepani cabaran-cabaran kemanusiaan di perigkat nasional dan global.

Manakala bab 5, penulis menghuraikan tentang metafizik tertumpu kepada definisi metafizik, matlamat kehidupan serta kesejahteraan dan kebahagiaan dalam Islam. Penulis turut menghuraikan berkaitan pembentukan dan perkembangan sistem-sistem metafizik seperti teisme, monism, ateisme, agnostisisme, politeisme, panteisme, monism, dualism, pluralisme, atomisme, mekanisme, okasionalisme, realisme, idealisme, dan nominalisme serta menganalisis pembentukan metafizik yang lebih luas dalam perkembangan sains, teknologi dan inovasi.

Seterusnya, dalam bab 6, penulis menjelaskan salah satu cabang falsafah, iaitu epistemologi dan bagaimanakah caranya untuk menentukan kebenaran sesuatu ilmu menerusi kaedah epistemologi seperti rasionalisme, empirisme, skeptisme dan epistemologi Islam seperti *bayani*, *irfani* dan *burhani*. Selain itu, persoalan-persoalan seperti apakah kegunaan teori epistemologi dan apakah implikasi epistemologi Barat terhadap masyarakat Islam turut diberi tumpuan. Bab ini menyumbang kepada kefahaman tentang kepentingan epistemologi dalam disiplin ilmu tertentu agar

penghasilan dan perkembangan ilmu tersebut selari dengan pandangan dunia sesebuah masyarakat dan tamadun.

Bab 7 adalah terhasil dari kesinambungan daripada bab-bab sebelumnya, yang menjelaskan tentang ideologi yang mewarnai ilmu falsafah dengan menjelaskan tentang ideologi Relativisme Pascamoden sebagai reaksi dari kegagalan modeniti. Penulis turut menghuraikan implikasi relativisme pascamoden yang muncul selepas zaman Pembaharuan (Renaissance). Penulis turut membuat analisis jawapan agama dan turut memuatkan kritikan terhadap idea relativisme. Seterusnya bab yang terakhir iaitu bab 8, membincangkan tentang fenomena kemusnahan alam, dekolonisasi yang wujud sama ada fizikal, mental, intelektual dan gaya hidup dan berkaitan sejarah penjajahan Barat di Tanah Melayu.

Disyorkan buku ini dibaca oleh semua peringkat umur agar terpupuk rasa sayang kepada agama dan negara. Perkembangan teknologi membuka ruang kepada pengaruh barat tersebar luas tanpa batasan. Modal insan yang dibina melalui sistem pendidikan makin rapuh. Masyarakat kini terdedah kepada fahaman rasional berasaskan akal fikiran yang terhad (rasionalisme), mementingkan kebendaan, keseronokan, pluralisme, liberalisme dan sekularisme. Secara prinsipnya, falsafah sangat dekat dengan kehidupan dan pembinaan tamadun manusia. Dalam konteks Malaysia, falsafah mampu berfungsi sebagai asas dialog antara agama, kaum dan ilmu bagi mencari titik pertemuan bagi mewujudkan kesepakatan dan keharmonian dalam masyarakat. Penerangan dan huraian–huraian yang terkandung dalam buku ini sangat berguna bagi memupuk semangat cintakan kehamonian berteraskan nilai-nilai yang baik bagi mewujudkan masyarakat moden, bertamadun tinggi dan berupaya mendepani cabaran alaf baharu.

Pengulas


**Roslinda binti Rosni**

Penolong Pengarah

Bahagian Perancang Strategik dan Antarabangsa

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



RUQAYYAH MUHD  
**Diet Bukan Mitos**

Petaling Jaya, Selangor : Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2020.  
ISBN 9789830979199

## ULASAN

Sejak kebelakangan ini, antara tema kesihatan yang sering muncul sama ada di akhbar, laman web, jurnal dan buku kesihatan adalah mengenai diet atau pemakanan seimbang. Diet adalah tabiat memilih makanan yang merangkumi pelbagai jenis kumpulan makanan dalam jumlah bersesuaian untuk keperluan pelbagai fungsi penting tubuh. Ramai pakar nutrisi, malah doktor menekankan keseimbangan dalam pemakanan bagi memperolehi kesihatan yang baik dan berpanjangan, terutamanya untuk menghindari penyakit dan mengawal berat badan. Terdapat pelbagai kaedah diet yang diamalkan namun tidak sedikit yang gagal melaksanakan ekoran ilmu pemakanan dan kesihatan yang diperolehi tidak tepat.

Buku yang mengandungi 242 muka surat dan terdiri dari tiga (3) bab utama yang membincangkan tentang himpunan pengalaman penulis di hospital semasa merawat pesakit-pesakit melalui kesimbangan pemakanan atau diet. Melalui buku ini penulis berhasrat agar persepsi sebahagian orang awam mengenai diet sihat itu mahal, susah untuk dibuat dan sukar diikuti perlu diubah. Penulis turut memaparkan isu-isu yang timbul mengenai diet dan disertakan juga dengan cadangan tip-tip yang boleh diikuti.

Dalam bab pertama, penulis menyentuh mengenai keperluan kalori, pemilihan diet yang sesuai tanpa kos tambahan, pemakanan seimbang, corak pemakanan, senaman dan kehidupan tanpa tekanan. Keperluan kepada karbohidrat, serat, buah-buahan dan lemak, turut dibincangkan. Penulis menyarankan setiap individu perlu menjadualkan waktu makan yang teratur iaitu sarapan pagi, tengah hari, makan malam dan satu snek antara waktu-waktu makan tersebut. Pemilihan makanan berserat seperti beras perang, oat, buah-buahan, bijiran dan sayur-sayuran turut dibincangkan. Makanan lain seperti coklat, produk tenusu, daging, ikan turut disentuh. Penulis juga menekankan bahawa di dalam mengira kalori harian yang diambil, adakalanya masyarakat terlalu taksub dengan jumlah kalori, sebaliknya terlupa pada kandungan nutrien yang perlu diambil bagi keperluan tubuh.

Bab kedua membincangkan kepada perkara yang perlu apabila memulakan diet. Penulis menyatakan diet itu bermula dengan apa yang kita fikirkan. Langkah pertama untuk menurunkan menurunkan berat badan atau mengubah cara makan adalah dengan mengenali diri terlebih dahulu dari segi status kesihatan tubuh badan dan tabiat pemakanan. Antara saranan penulis adalah dengan merekod berat badan secara berkala, meletakkan matlamat penurunan berat badan dan merekodkan pengambilan makanan secara rutin. Mengguna jalan pintas dengan pengambilan pil kurus yang berbahaya sehingga menjelaskan kesihatan sehingga mengakibatkan kerosakan buah pinggang turut disentuh.

*Fad Diet* yang menjanjikan penurunan berat badan dengan segera namun mempunyai kesan buruk pada jangka masa panjang kepada pengamalnya turut dibincangkan. Jenis diet, cara pengamalan dan kesan buruk pengambilan *Fad Diet* diuraikan dengan terperinci. Antaranya adalah diet tinggi protein, diet rendah lemak, diet sangat rendah kalori dan diet tinggi serat. Penekanan waktu makan yang berjadual turut dibincangkan. Disiplin pengawalan pemakanan dan riadah yang berterusan turut disentuh oleh penulis.

Penulis juga membincangkan *Food Pusher* dan jenis-jenisnya. *Food Pusher* dieritkan sebagai orang yang sering mengajak orang makan atau memberi orang makan, namun memberi masalah kepada orang yang muah berdiet. Antara cadangan penulis bagi mengatasi masalah *Food Pusher* adalah dengan melazimi berpuasa sunat, belajar menolak dengan cara yang baik, makan dengan kuantiti yang kecil, membawa bekal ke pejabat, dan berbincang dari hati ke hati agar tidak mengecewakan mereka.

Stres dalam kehidupan juga antara penyebab pengambilan makanan yang berlebihan. Penulis mencadangkan beberapa pilihan bagi mengatasi stres dan makan berlebihan seperti mengalihkan minda buat seketika dengan mengambil angin atau bersenam, menulis sebagai terapi bagi refleksi diri, berkongsi masalah dengan teman atau pasangan, berhenti dan berfikir sebelum membuat keputusan mengambil makanan yang tidak perlu dan cakna dalam pemilihan jenis makanan.

Penulis juga mengaitkan seni mengurangkan kalori dengan perkakasan makan minum yang betul seperti menggunakan pinggan yang lebih kecil, perkakasan yang bersesuaian bagi porsi makanan atau minuman yang sedikit, mengaktifkan deria rasa dengan menggunakan deria rasa, bau dan melihat dengan baik untuk meningkatkan kepuasan menikmati makanan, mengelakkan makan di depan televisyen, komputer dan gajet serta menikmati makanan dengan keadaan tenang. Beliau menyentuh tentang tabiat sebilangan orang yang suka bertangguh untuk berdiet dan cadangan mengatasi tabiat tersebut.

Diet adalah gaya hidup disentuh oleh penulis dalam bab terakhir iaitu bab ketiga. Metabolisme tubuh yang tinggi adalah perlu bagi pembakaran lemak. Faktor seperti umur, aktiviti rutin, jumlah otot dan lemak tubuh boleh mempengaruhi kadar metabolisme tubuh. Untuk memastikan pembakaran tenaga tubuh dibakar dengan baik, penulis menyarankan agar menjaga pemakanan dan waktu makan serta melakukan senaman yang teratur. Penulis juga memperincikan mengenai lapar sebenar dan lapar emosi, keperluan tidur

yang berkualiti, kekuatan semangat untuk berubah, menggunakan teknik *eyeballing* iaitu menyukat dan mengawal porsi hidangan, senaman yang sesuai dan aktiviti NEAT iaitu apa jua aktiviti fizikal yang dilakukan sepanjang hari selain bersenam.

Secara keseluruhannya, sebagai seorang pakar pemakanan atau *Dietition*, penulis telah mengupas secara terperinci mengenai diet, isu-isu serta cabaran dalam menurunkan berat badan bagi membendung bilangan individu yang mengalami Penyakit Tidak Berjangkit (NCD). Buku ini amat disyorkan kepada semua yang bercadang untuk mengubah tabiat pemakanan untuk menurunkan berat badan bagi memperolehi kesihatan yang lebih baik secara berpanjangan. Kesimpulannya, diet itu bukan mitos, bukan bermakna terus berlapar dan berpantang tanpa had sebaliknya menukar cara makan hingga menjadi gaya hidup kita yang lebih dan lebih baik.


Pengulas

**Shuzlina binti Mat Amin**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Kandungan Digital  
Perpustakaan Negara Malaysia

## SINOPSIS BUKU

221-03322

### Penganan




Noria Tugang  
Gregory Kiyai @ Keai

NORIA TUGANG, GREGORY  
KIYAI @ KEAI  
**Penganan**  
Kota Samarahan, Sarawak :  
UNIMAS Publisher, 2022.  
ISBN: 9789672298885

Buku ini membincangkan pengangan serta legasinya dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Penganan dikategorikan di bawah konteks warisan tidak ketara dan merujuk kepada makanan tradisional masyarakat Iban. Dalam kepercayaan tradisional masyarakat Iban, pengangan ialah juadah tradisional yang amat disukai oleh *Petara* (tuhan) dan *Urang Panggau* (dewa dewi). Bagi masyarakat di Kepulauan Borneo dan Nusantara, pengangan mempunyai nilai yang signifikan dalam amalan serta upacara ritual masyarakat Iban seperti *begawai* dan upacara *miring*. Dalam upacara *miring*, pengangan akan didahulukan sebagai sajian utama untuk dipersembahkan kepada *Petera* dan *Urang Panggau* yang dipercayai akan datang *ngabang* (berkunjung) semasa upacara *miring* dilakukan di rumah panjang. Selain itu, pengangan turut dijadikan sebagai makanan yang simbolik dalam pembuatan *Pohon Ranyai* bagi menyambut Pesta Gawai Dayak.


## SINOPSIS BUKU



**Drainage Basin Dynamics : a Geographical Perspective**  
Batu Pahat, Johor : Penerbit  
UTHM, 2022.  
ISBN: 9789672817758

This book entitles *Drainage Basin : a Geographical Perspective* is conceptualized with research experience from two universities in Malaysia (Universiti Pendidikan Sultan Idris) and Indonesia (Universitas Negeri Semarang). A total of 32 researchers have contributed chapters. The research translated into chapters is based on the real experience of the author/researcher. This book provides readers with research that has been conducted in Malaysia and Indonesia with the main focus on river basins from a geographical perspective. This book summarizes research on the river basins that are unlimited and can be multiplied further. A river basin is a natural entity found on the earth's surface. Physically it is an area that is drained by the major river its tributaries and is very important to live in it whether to humans, flora and fauna. Drainage basins are not static but dynamic because they change because of natural and human factors. However, the changes that occur in the river basin today are because of human intervention that has explored and developed the drainage basin are in the name of development. This book attempts to delve into issues related to the physical and human geography in providing dynamics that occur in a drainage basin.

## SINOPSIS BUKU




**PROF. DR. IRFAN MOHAMAD  
Rawatan Kanser Kepala dan  
Leher : Melayarkan Harapan di  
Gelora Realiti**

Pulau Pinang : Penerbit  
Universiti Sains Malaysia, 2022.  
ISBN: 9789674616601

Kanser kepala dan leher merupakan suatu ujian, bukan sahaja kepada pesakit bahkan kepada ahli keluarga, komuniti dan termasuklah pasukan perawat. Faktor risiko terbesar yang sebenarnya mesti dicegah ialah amalan merokok dan pengambilan alkohol, kerana interaksi kedua-duanya dapat memberikan kesan bersifat sinergistik. Bahagian yang kompleks dari segi struktur anatomi fisiologinya adalah melibatkan saluran pernafasan atas dan saluran pemakanan serta fungsi penting masing-masing, telah meletakkan kanser kepala dan leher sebagai cabaran yang ekstra berbanding kanser pada bahagian tubuh yang lain. Bagi membantu pesakit yang menghadapinya, strategi rawatan telah diaturkan mengikut tahap dan kesesuaian individu. Walaupun secara amnya, surgeri merupakan modaliti utama rawatan kecuali bagi kanser *nasofarinks* dan *larinks*, masih boleh memanfaatkan radioterapi sebagai rawatan utama. Pemilihan akhir kaedah yang paling sesuai amat bergantung kepada tahap kanser tersebut, selain faktor kesihatan dan kesediaan pesakit itu sendiri bagi memberikan komitmen terhadap proses jangka masa rawatan panjangnya.


## SINOPSIS BUKU



DR. ABDUL RAHMAN RA'FAT  
AL-BASHA  
**65 Gambaran Kehidupan  
Sahabat. Jilid 2**  
Rawang, Selangor : Pustaka  
Salam Sdn. Bhd., 2022.  
ISBN: 9789679756630

Buku ini membincarkan sekumpulan manusia agung yang dipetik daripada realiti sejarah dan bukannya khayalan oleh penulis. Ia memaparkan gambaran kehidupan para sahabat yang merupakan bintang petunjuk dan pembimbing manusia. Mereka adalah suri teladan yang pernah hidup di bawah didikan Rasullullah SAW. Mereka merupakan implementasi kepada risalah Baginda yang menggabungkan keimanan, keilmuan dan praktik amal. Oleh itu, buku ini mengandungi nilai-nilai murni yang bersumberkan akidah dan kefahaman Islam. Ia juga mengandungi saranan yang menarik dan pengajaran bermanfaat dalam bentuk penceritaan serta karya sastera. Diharapkan buku ini dapat memenuhi cita rasa remaja yang sering tercari-cari *role model* yang ingin mereka contohi. Mereka kini terkepung oleh media massa dengan perbualan tidak berkesudahan tentang para artis, atlet, tokoh korporat, politik dan lain-lain. Seolah-olah itulah suri teladan yang mesti diikuti kini. Tiada tempat bagi tokoh pejuang yang telah berkorban jiwa raganya demi menegakkan kebenaran, keadilan dan membimbing umatnya kepada kebaikan serta kejayaan dalam diri mereka. Di sini letaknya kepentingan usaha memperkenalkan tokoh-tokoh agung Islam kepada golongan remaja dan anak-anak.


## SINOPSIS BUKU



JULAINA NOPIAH, NOR  
HASHIMAH JALALUDDIN,  
JUNAINI KASDAN  
**Gastronomi Peribahasa dan  
Akal Budi Melayu**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
2022.  
ISBN: 9789672516859

Kajian peribahasa telah banyak dilakukan. Lazimnya kajian peribahasa tertumpu kepada kajian makna khususnya makna harfiah. Ada juga kajian tentang objek yang dipilih dalam peribahasa. Buku ini menyediakan kelainan dari segi pendekatan menghuraikan peribahasa. Buku ini mendedahkan kepentingan pemilihan objek kemudiannya dikaitkan dengan makna peribahasa. Ada justifikasi kepada setiap objek dipilih dalam peribahasa. Analisis tidak terhenti setakat objek dan makna tetapi diteruskan dengan kaca mata multidisiplin, iaitu sains pemakanan. Objek buah-buahan dan sayur-sayuran dalam peribahasa berkaitan dengan pemakanan atau khususnya gastronomi. Objek, makna dan kesan pemakanan jelas terkesan pada makna keseluruhan peribahasa yang hendak disampaikan. Objek daging, madu, herba dikaitkan dengan makanan berunsur panas. Pisang, delima, timun mempunyai unsur sejuk. Rebung dan keli mempunyai unsur bisa, manakala labu, nangka dan makanan menjalar mempunyai unsur panas. Kesemua unsur panas, sejuk, bisa dan angin boleh membawa kesan positif atau negatif pada si pemakan. Apa yang menarik unsur ini boleh menjadi refleksi kepada makna peribahasa yang dikaji, malah boleh dikaitkan dengan akal budi Melayu.


## SINOPSIS BUKU



YAHYA AL-BAKRI  
**Indahnya Hidup Berilmu**  
Kota Samarahan, Sarawak :  
UNIMAS Publisher, 2022.  
ISBN: 9789672298922

Buku ini boleh menjadi satu pakej ingatan, kerana ia boleh digunakan sebagai bahan ceramah dan tazkirah di masjid, surau dan organisasi. Selain itu, buku ini boleh dibaca bagi menambah kefahaman dan penghayatan tentang Iman dan Islam. Tajuk-tajuk yang disusun dalam buku ini disesuaikan dengan kehidupan harian seorang Muslim dan hari kebesaran Islam yang menjadikannya sesuai untuk dibaca dan menjadi bahan rujukan. Olahan bahasa dalam buku ini mudah untuk difahami, boleh disajikan terus kepada masyarakat sebagai cara berinteraksi antara penceramah dan pendengar. Buku ini tidak banyak menyentuh hukum fiqah tetapi lebih banyak menyentuh hikmah dan falsafah dari setiap amalan, selain dari memuhasabah diri dalam amalan yang dilakukan. Buku ini juga berasal daripada tugasan artikel bahan ceramah penulis di masjid, surau dan jabatan kerajaan dan swasta. Namun, buku ini telah diolah semula, disunting dan diselaraskan tajuk serta diberikan penambahbaikan agar sesuai untuk dibaca oleh semua lapisan masyarakat.


## SINOPSIS BUKU



**Isu dalam Linguistik**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2021.  
ISBN: 9789672515432

Isu linguistik sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Misalnya, isu linguistik bermula dengan permasalahan teori dan bahasa. Hal ini diikuti dengan isu penggunaan bahasa dalam masyarakat. Kemudiannya, isu linguistik dibahasakan dalam konteks kognitif dan budaya. Buku ini mempersembahkan isu fonologi, leksikal, sintaksis dan semantik. Manakala aspek sosial merujuk kepada isu praktikal yang melibatkan penggunaan bahasa dalam dunia sebenar, misalnya bahasa dan komputer dan bahasa kognitif. Setiap isu telah dibincangkan secara sistematik, berdasarkan kaedah dan teori/model linguistik yang mutakhir. Perkongsian hasil penyelidikan dalam buku ini dapat menyumbang kepada isu kebahasan dalam pelbagai konteks, misalnya media massa, pendidikan dan agama. Pembaca akan didahkan dengan pelbagai teknik, method dan prosedur dalam penyelidikan linguistik. Buku ini sesuai untuk bacaan umum, dan rujukan pelajar di peringkat menengah tinggi dan universiti.

## SINOPSIS BUKU



MOHAMAD SAUPI ISMAIL,  
DAUD AWANG, AZIMAH  
JUMATI


**Karang : Kultur dan  
Pembiasaan**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2022.

ISBN: 9789834934187

Karang merupakan hidupan yang disebut sebagai "al-Marjan" dalam al-Quran merupakan satu khazanah laut yang tidak ternilai harganya. Selain menjadi tempat pembiasaan ikan-ikan terumbu, karang juga boleh dipelihara untuk menjana sumber pendapatan yang tinggi nilai komersialnya. Kini, karang banyak digunakan di dalam industri perubatan bagi penghasilan genting tulang manusia semasa pembedahan ortopedik. Malahan, kompaun bioaktif yang ditemui di dalamnya turut digunakan sebagai salah satu komponen ubat bagi rawatan penyakit jantung dan kanser. Buku ini menceritakan tentang karang secara terperinci bermula daripada pengenalan terhadap biologi dan taksonominya sehingga ke kepada cara mengkultur dan teknik untuk pembiasaan karang. Ancaman yang dihadapi serta perundungan yang melindungi dalam menjamin kelestarian hidupan karang pada masa hadapan turut dibincangkan dengan jelas. Selain itu, ilustrasi yang ringkas serta foto-foto menarik yang dimuatkan dalam naskhah ini juga sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai sumber rujukan bukan hanya kepada peminat hidupan karang, malah kepada semua lapisan pembaca.


## SINOPSIS BUKU



SHARIFAH NABIHAH SYED JAAFAR, KAMALRUL AZLAN AZIZAN, NURUL SHUHADAH MAHADI  
**Sisa Berharga Kelapa Sawit**  
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022.  
ISBN: 9789672515630

Buku ini dihasilkan bagi melengkapkan pakej pembelajaran untuk pelajar sekolah dan juga pembaca muda. Buku ini berkongsi mengenai kelebihan dan potensi sisa buangan kelapa sawit untuk menjadi sumber bahan yang baharu. Percambahan ilmu tersebut dapat mendorong golongan pelajar untuk mendalami ilmu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta pada masa yang sama dapat meningkatkan keprihatinan mereka kepada alam sekitar. Tambahan pula, eksplorasi bahan baharu daripada sisa pertanian (sumber hijau) semakin menjadi perhatian dunia. Semoga dengan perkongsian maklumat ini dapat memberikan manfaat kepada semua, mencetuskan anjakan paradigma dalam penggunaan sisa sawit dan menyemarakkan penyelidikan berteraskan sumber hijau dan kitar semula. Pembaca dapat menghayati serta mengaplikasikan pelbagai teknologi yang telah digarapkan oleh penulis. Penulis juga berharap agar pembaca dapat menghayati serta mengaplikasikan pelbagai teknologi yang telah diterapkan sebagai rujukan.


## SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD UMAR AIMAN  
OSMAN  
**Biografi Ringkas : 10 Imam  
Qiraat serta Dua Perawi  
Mereka yang Utama**  
Shah Alam, Selangor : Pustaka  
Al Aqsa, 2022.  
ISBN: 9789672695509

Qiraat ataupun cara bacaan al-Quran bukan hanya mengenai ilmu tentang cara menyebut atau membunyikan huruf, perkataan dan ayat dalam al-Quran. Bahkan, ianya turut menyentuh aspek periwatanan al-Quran dan bagaimana al-Quran itu diwariskan daripada Rasulullah SAW kepada generasi yang seterusnya melalui rantaian para guru-guru yang terpercaya sehingga akhirnya ia sampai kepada kita dalam bentuknya yang asli pada hari ini. Ianya juga suatu bicara bicara tentang kemukjizatan al-Quran serta kesungguhan para ulama yang telah dipilih oleh Allah SWT untuk memelihara Kalam-Nya selari dengan firman Allah SWT *“Sesungguhnya Kami-lah yang telah menurunkan al-Quran ini dan Kami-lah yang akan menjaganya.”* Buku Biografi Ringkas 10 Imam Qiraat ini memaparkan kisah hidup 10 ulama qiraat serta dua perawi utama yang mana bacaan al-Quran mereka telah diterima secara reda dan ijmak oleh seluruh kaum Muslimin. Ketekunan dan kesungguhan mereka dalam mempelajari, memahirkan diri, mengajarkan dan menyebarkan risalah al-Quran yang teladan dipaparkan ini, diharapkan dapat menjadi suatu teladan dan inspirasi berharga buat kita semua.


## SINOPSIS BUKU



MOHANNA AL-HUBAIL  
**Zaman Kesedaran : Memikir Kembali Wacana Islamis dan Krisis Timur Tengah**  
Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 2022.  
ISBN: 9789672158998

Buku ini meninjau dan merenung kembali isu-isu dalam pemikiran Islam kontemporari seperti idea peradaban Islam, wacana baharu politik Islam dan gerakan islamis, pemikiran ekstremisme dan solusinya, hubungan antara Islam dan Barat, dan krisis politik Asia Barat. Buku ini berusaha untuk melontarkan kritikan membina dan memberi panduan demi kesedaran intelektualisme baharu bagi generasi pemuda Arab secara khususnya dan juga generasi muda Muslim secara umumnya. Keistimewaan buku ini adalah kerana ia ditulis oleh seorang intelektual prolifik dan aktivis berani kelahiran Arab Saudi yang telah bertahun-tahun hidup dalam buangan akibat pandangan politiknya yang tidak selari dengan pemerintah. Oleh itu, ulasan dan pendapat yang dikemukakan beliau dalam buku ini bukan sahaja hasil pembacaan pelbagai karangan daripada pelbagai latar belakang, malah juga digabungkan dengan pengalaman luasnya dalam gerakan intelektualisme dan aktivisme terutama di dunia Arab.

## SINOPSIS BUKU



IBRAHIM ELSAHAT  
**Adam : Between Evolution, Theistic Evolution & Revelation**  
Petaling Jaya, Selangor :  
Dakwah Corner Bookstore (M)  
Sdn Bhd, 2022.  
ISBN: 9789675699870

This work is a qualitative study in which the story of Adam has been examined from different scientific and religious approaches. The study analyzed different accounts of the main theories and addressed the critical issue of the Origin of Man. It compared the origin of man from a religious perspective and concluded the most authentic account of the story of Adam. A critical analysis was done on the basis of the Theory of Evolution, Theistic Evolutionary Approaches, focusing on the Islamic perspective, to interpret the account of Adam mentioned in the religious texts. The study concluded that the non-methodological, inauthentic and contradicting attempts to interpret the religious account of Adam from an evolutionary perspective were completely unsuccessful, affirming miraculous creation of Adam as detailed in the Qur'an and authentic Sunnah.

## SINOPSIS BUKU




MARIYANA AIDA AB KADIR,  
MOHAMAD WIJAYANUDDIN  
ALI, SUHAIRUL HASHIM,  
MOHAMAD SYAZLI FATHI

**Panduan Keselamatan  
Kebakaran Universiti  
Teknologi Malaysia**  
Johor Bahru, Johor : Penerbit  
UTM Press, 2022.  
ISBN: 9789835218194

Buku *Panduan Kebakaran Universiti Teknologi Malaysia* memperincikan pengurusan keselamatan berkaitan kemalangan yang boleh menyebabkan kebakaran di dalam kawasan universiti. Mengikut undang-undang berkaitan, semua tempat kerja dalam universiti perlu membuat langkah-langkah yang bersesuaian untuk melindungi harta, nyawa, kejiranan, dan persekitaran bagi kesinambungan aktiviti di dalam kampus sekiranya berlaku kejadian kebakaran. Objektif buku ini adalah untuk memberi panduan kepada warga Universiti Teknologi Malaysia bagi memenuhi tanggungjawab untuk menyediakan keperluan dari segi peralatan dan pengetahuan berkaitan keselamatan kebakaran. Ini termasuklah prosedur umum, langkah berjaga-jaga yang harus diikuti, serta garis panduan penggunaan penjagaan kebakaran. Sistem keselamatan kebakaran yang dipasang perlu mengikut kesesuaian dan perlu diuji secara rutin. Borang-borang berkaitan juga diberikan sebagai persediaan keselamatan kebakaran di Pusat Tanggungjawab Universiti.


## SINOPSIS BUKU



PROF. MADYA DR.  
NORHAYATI IBRAHIM, PROF.  
MADYA DR. NORMAH CHE  
DIN  
**Psikologi Kesihatan**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2021.  
ISBN: 9789834928100

Psikologi kesihatan ialah satu bidang yang membincangkan pengaruh psikologi yang berkait dengan kesihatan, iaitu bagaimana individu bertingkah laku semasa sakit atau sihat, elemen sosial, budaya, sistem penjagaan dan posisi kesihatan. Maklumat buku ini dapat memupuk kefahaman yang lebih luas mengenai kesihatan serta tingkah laku yang memberikan impak kepada kehidupan manusia. Selain itu, buku ini turut mempromosi tingkah laku sihat dalam usaha untuk membantu dalam pencegahan dan memberikan rawatan yang lebih efektif kepada pesakit. Buku ini mengandungi 13 bab yang mengupas secara komprehensif isu psikologi dan kesihatan, perubahan sikap dalam penjagaan kesihatan, literasi kesihatan, kehidupan dengan pelbagai penyakit kronik, kecederaan tidak disengajakan dan pencegahan, stres, sokongan sosial, pematuhan pada rawatan dan diakhiri dengan pendekatan komuniti dalam psikologi kesihatan. Di Malaysia, bidang psikologi kesihatan pada masa kini semakin berkembang selaras dengan perkembangan bidang kesihatan itu sendiri.


## SINOPSIS BUKU



YAMUSA BELLO YAMUSA,  
KAMARUDIN AHMAD,  
REDZUAN SA'AARI,  
NORALIANI ALIAS  
**Laterite Soil for Waste  
Disposal System**  
Johor Bahru, Johor : Penerbit  
UTM Press, 2022.  
ISBN: 9789835218415

Municipal Solid Waste (MSW) has become a major concern in all aspects of urban development. The MSW generation gradually increase despite all waste minimization efforts, and therefore its management get tougher subsequently by years. In matter what disposal or containment measures are taken. Thus, an understanding of soil-waste interaction is important so that geotechnical and geo environmental structures could be constructed safely and reliably. The establishment of a good sanitary landfill system would help to achieve an objective of a clean and healthy society. Also, the criteria for this sanitary landfill design would be heading towards a cost-effective design making use of readily available materials in the final chosen site of the project or locally generated materials that would help in creating more economical sanitary landfill construction. Therefore, laterite soil, as one the major groups of tropical residual soils, is investigated in the application for sanitary landfill liner. The purpose of this book is to summarize the current state of laterite soil used as a stand-alone material and has a geotechnical potentiality as a sustainable material for waste disposal systems (sanitary landfill liner and cover).


## SINOPSIS BUKU



MOHD DAUD BAKAR  
**Insyirah : Kelapangan Hati  
dan Minda**  
Kuala Lumpur : Amanie Media  
Sdn Bhd, 2021.  
ISBN: 9789672302254

Buku ini berkisar tentang kesusahan dan kesulitan yang mana merupakan saudara kembar kepada kehidupan. Kesulitan emosi, minda, kewangan, sosial, maruah, jati diri, kebebasan dan ancaman nyawa menjadi warna-warni kehidupan sepanjang zaman. Nabi Muhammad SAW yang digelar pesuruh Allah SWT, juga menghadapi tekanan yang sama. Namun, Baginda SAW dianugerahkan kelapangan hati dan jiwa bagi menghadapi segala cabaran mendatang. Baginda SAW juga dikurniakan ketinggian nama Baginda SAW sepanjang zaman. Sebutan nama yang diulang-ulang dan reputasi yang hebat adalah minyak pembakar obor kejayaan. Ikuti bagaimana Zahid dan isterinya, Suraya bertarung setiap masa dan detik bagi menjemput kemudahan bertandang dalam kehidupan mereka sesudah mereka ditimpa pelbagai kesusahan dan kesulitan. Kecekalan minda dan jiwa serta kesucian perwatakan diri adalah dua sayap bagi terbang tinggi demi berhadapan apa sahaja cabaran kehidupan. Jangan salahkan kesulitan. Salahkan sayap yang tidak dapat ataupun enggan mengepak kuat.


## SINOPSIS BUKU



AMIN HAZYQ  
**Tahniah! Awak Boleh Mula Esok : Tip Menguasai Sesi Temu Duga**  
Ampang, Selangor : Tiga Ros Trading Sdn. Bhd., 2021.  
ISBN: 9789670951539

Pada masa ini kita banyak mendengar tentang ramai remaja yang tidak mempunyai pekerjaan walaupun memperoleh kelulusan akademik yang tinggi. Ada juga remaja yang terpaksa bekerja untuk membantu keluarga dan kesukaran untuk mendapat pekerjaan boleh membawa tekanan kepada kebanyakan individu. Kebanyakan remaja sering berasa sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan yang dimiliki dan tidak mengetahui teknik-teknik yang betul dalam memohon pekerjaan dan menghadiri temuduga. Buku ini ditulis dengan harapan ia dapat dimanfaatkan sebagai satu panduan untuk remaja terutama sekali remaja lepasan sekolah menengah yang ingin mencari pekerjaan selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Buku ini juga sesuai untuk golongan siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan yang sesuai dan masih dalam pencarian.

## SINOPSIS BUKU



**JALALUDDIN AS-SAYUTHI  
Lubabun Nuqul Fi Asbabin  
Nuzul : Asbab Nuzul Al  
Quran : Peristiwa & Sebab  
Penurunan Ayat-Ayat al-  
Quran**  
Kuala Lumpur : Pustaka Al-  
Ehsan, 2021.  
ISBN: 9789833204588

Buku ini merupakan karya terjemahan daripada buku berbahasa Arab berjudul '*Lubabun Nuqul Fi Asbabin Nuzul*' yang ditulis oleh Imam Jalaluddin As-Sayuthi. Imam As-Sayuthi berpegang kepada kitab yang paling masyhur mengenai Asabun Nuzul (sebab-sebab turunnya ayat al-Quran) iaitu dengan berpandukan kepada kitab yang ditulis oleh al-Wahidi, menyebabkan beliau telah membuat penambahan beberapa riwayat lain daripada kitab tersebut dan diberikan penjelasan mengenainya dengan meletakkan sumber pengambilannya di nota kaki. Penambahan yang dilakukan oleh Imam As-Sayuthi adalah merujuk kepada kitab-kitab seperti *Al-Mustadrak*, *Sahih Ibnu Hibban*, *Sunan Al-Baihaqi*, *Ad-Darul Quthi*, *Musnad Ibn Hambal*, *Al-Bazzar* dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya buku ini telah memberikan gambaran yang jelas tentang perkaitan sesuatu ayat itu diturunkan dengan sebab musabab peristiwa tersebut telah terjadi. Mengetahui sebab turunnya sesuatu ayat al-Quran adalah salah satu keperluan bagi para ulama dalam mengistinbatkan sesuatu hukum tertentu.


## SINOPSIS BUKU



SARAH A, DR ROZANIZAM  
ZAKARIA, NUR JEHAADA, DR  
ZUL AZLIN  
**Aku Dijangkiti Kehidupan 2.0**  
: Cerita-Cerita Pesakit dan  
Perawat Psikiatri  
Cheras, Selangor : Penerbitan  
Kata Pilar (M) Sdn. Bhd., 2022.  
ISBN: 9789672014997

Hidup sering digambarkan sebagai anugerah. Lahir, membesar, bercinta, berumahtangga, berkerjaya. Bahagia selamanya. Sedangkan bagi sebahagian yang lain hidup tumbuh menjadi satu sumpahan. Raksasa hitam yang menetas dalam kepala dan mengunyah diri dari dalam sehingga mati kadangkala lebih didambakan. Buku ini merupakan himpunan pengalaman mereka yang dibelenggu oleh hidup. Pergelutan melawan stigma dan ketidakpedulian masyarakat dan suara kebencian dari dalam. Tersepit antara beban dan tanggungjawab selain daripada pesakit dan perawat (psikiatris), kesihatan mental turut mencorakkan hidup orang di sekeliling, terutama ahli keluarga. Naskah ini merupakan suara hati mereka yang selama ini terpendam. Juga hampir padam. Penulis-penulis juga berpandangan kehidupan bukanlah hanya berkisar tentang sesuatu yang indah sahaja, tetapi disusuli dengan keadaan yang menyakitkan.


## SINOPSIS BUKU



ZAMUNA MAT NOR, IDAYU  
BADILLA IDRIS  
**Skizofrenia Dan  
Kesejahteraan Psikologi**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2021.  
ISBN: 9789672512974

Pesakit skizofrenia sering mengalami kemelut kehidupan harian terutama dalam menghadapi situasi yang mencabar sehingga mengganggu kesejahteraan psikologi mereka. Buku ini dihasilkan dengan tujuan untuk memberi panduan dan perkongsian beberapa faktor penting seperti faktor sosiodemografi, tahap kesihatan, sokongan sosial dan penghargaan kendiri yang boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi dalam kalangan pesakit skizofrenia. Buku ini turut membincangkan bagaimana pesakit skizofrenia yang berada dalam komuniti boleh mencapai kesejahteraan psikologi yang positif, apabila mereka mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi daripada kalangan ahli keluarga serta sokongan orang yang terdekat. Buku ini diharapkan dapat membantu mereka yang terlibat dalam perubatan pesakit skizofrenia termasuk mereka yang terlibat dalam intervensi kerja sosial supaya khidmat yang disampaikan kepada golongan pesakit ini adalah lebih berkesan.

## SINOPSIS BUKU



DR HAMDI IBRAHIM  
**Abu Urwah : Legenda Tanpa Sorotan**  
Kuala Lumpur : Ilham Books,  
2020.  
ISBN: 9789672007371

Abu Urwah: Legenda Tanpa Sorotan adalah sebuah buku yang menceritakan "the untold story" mengenai sosok Saari Sungib, seorang tokoh gerakan Islam yang cukup terkenal dengan bukunya Risalah Usrah. Buku yang menjadi fenomenal terutama dalam gerakan Islam di Asia Tenggara pada dekad-dekad 1980an sehingga 2000an. Hampir menjadi pemain hoki kebangsaan, menjadi pemimpin mahasiswa semasa zaman belajarnya di UK, mengasaskan Jamaah Islah Malaysia (JIM), seterusnya terjun ke medan siasah semasa zaman kemuncak reformasi 1998 dan ditahan atas dakwaan menggunakan akta ISA serta lain-lain antara cerita-cerita yang menarik yang ada dalam buku biografi ini. Buku ini juga mendedahkan tentang Islamic Representative Council (IRC) iaitu sebuah pertubuhan pelajar yang berpengaruh dan kontroversi.

## SINOPSIS BUKU



NORALINA OMAR  
**Gerontologi Memahami  
Konteks Sosial Penuaan**  
Kuala Lumpur : Penerbit  
Universiti Malaya, 2021.  
ISBN: 9789674881887

Setiap manusia akan melalui usia tua namun tidak semua orang sedar dan faham mengenai implikasi penuaan sehingga mereka mengalaminya sendiri. Maka, pengetahuan yang dikongsikan dalam buku ini dijangka dapat membantu meningkatkan pengetahuan para pembaca mengenai realiti, risiko dan cabaran hidup individu ketika meniti usia. Penulis amat berharap agar buku ini dapat meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap keperluan dan cabaran kehidupan hari tua yang akan dilalui oleh semua orang. Buku ini sesuai menjadi bahan bacaan umum untuk segenap lapisan masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan perkhidmatan kepada warga emas, penggiat dalam bidang gerontologi seperti badan bukan kerajaan dan pertubuhan sukarela berkaitan warga emas, penjaga kepada warga emas sama ada penjaga formal mahupun penjaga tak-formal. Usia tua bukan penghalang untuk manusia menikmati hidup yang sejahtera. Hapuskan stigma dan diskriminasi terhadap warga emas. Ilmu gerontologi sosial adalah antara solusi kepada ketidakadilan sosial dan peminggiran terhadap warga emas serta konflik intergenerasi.

## SINOPSIS BUKU



SAMSUR RIJAL YAHAYA,  
NORFAIZAL JAMAIN, AHMAD  
SABRI ABDUL SAMAT,  
NORLIZA AMIN  
**Efektif Bahasa Melayu  
Pertengahan**  
Kuala Lumpur : Penerbit  
Universiti Malaya, 2020.  
ISBN: 9789674881481

Sebahagian besar pelajar luar negara yang tinggal di Malaysia untuk tempoh tiga hingga empat tahun berkeinginan mempelajari Bahasa Melayu di peringkat yang lebih tinggi selepas mempelajari Bahasa Melayu Asas. Sehubungan itu, penerbitan Efektif Bahasa Melayu Pertengahan, yang merupakan lanjutan kepada penerbitan Efektif Bahasa Melayu Asas juga oleh Penerbit Universiti Malaya memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Format pembahasan yang digunakan telah memenuhi kaedah pembelajaran Bahasa Melayu yang terbaik kerana memberikan tumpuan kepada kemahiran menulis, mendengar, membaca dan bertutur. Kaedah gabung jalin keempat-empat kemahiran ini telah ditambah pula dengan pengajaran aspek tatabahasa secara ringkas dan padat. Sehubungan itu, buku ini sesuai juga digunakan oleh calon-calon yang akan mengambil Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warga Asing (SKBMW) yang dianjurkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia secara dalam talian. Sebahagian besar format pengajaran dalam buku ini telah digunakan dalam pengajaran untuk warga asing, termasuk di luar negara seperti Korea Selatan.


## SINOPSIS BUKU



MOHD AWANG IDRIS,  
YULITA, HASLINA MUHAMAD  
**Bias Dalam Penyelidikan  
Sains Sosial**  
Kuala Lumpur : Penerbit  
Universiti Malaya, 2021.  
ISBN: 9789674881894

Kajian sains sosial secara umumnya melibatkan persepsi manusia, baik oleh perspektif penyelidik, mahupun responden yang terlibat dalam penyelidikan. Walaupun pelbagai metodologi muncul, sama ada yang bersifat kuantitatif mahupun kualitatif, bias merupakan isu yang sering muncul, yang menyebabkan hasil penyelidikan perlu ditafsirkan secara berhati-hati. Walau sebaik mana pun penyelidik mengawal semua atas penyelidikannya, bias adalah hal yang tak mampu dielakkan. Buku ini secara umumnya cuba menyingkap beberapa isu bias dan ralat yang sering berlaku dalam penyelidikan sains sosial. Bagaimanapun, ia tidaklah pula mampu memperjelaskan tentang kesemuanya memandangkan setiap metodologi penyelidikan itu sendiri mempunyai pelbagai isu. Buku ini sekadar memberikan gambaran ringkas tentang beberapa isu bias yang umumnya berlaku dalam bidang sains sosial. Ia sesuai untuk sesiapa sahaja yang berminat dengan dunia penyelidikan sains sosial, baik penyelidik, pensyarah atau pelajar pascasiswazah yang berhasrat menjalankan penyelidikan.

## SINOPSIS BUKU



**50 Esei Hari Guru**  
Kuala Lumpur : Rimbunan  
Publishing House Sdn. Bhd.,  
2022.  
ISBN: 9789672458524

Tidak dapat disangkal profession perguruan kian mencabar. Hakikat menjadi guru bukan semudah mengajar membaca dan mengira, tetapi menjadikan pendidikan sebagai landasan untuk membentuk tunjang akar budi seseorang manusia untuk berkembang dan menyumbang kepada masyarakat. Sekiranya tentera berjuang di medan perang, para guru pula berjuang di medan ilmu. Biar terkorban di medan tersebut, berundur tidak sesekali. Asalkan, anak didiknya menjadi insan yang bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara. Buku ini menghimpunkan eseи yang bertemakan 50 tahun Hari Guru sejak 1972-2021. Antara yang dirungkai oleh para penulis adalah seperti isu peranan guru dalam kemenjadian murid, kesediaan guru menghadapi ledakan teknologi baharu, kesepakatan guru dan ibu bapa dalam membentuk sahsiah murid, peranan pengetua dan guru besar dalam menghargai usaha guru, serta banyak lagi. Penulis buku ini terdiri daripada 44 orang guru dan pensyarah yang telah lama berkecimpung dalam dunia pendidikan dan aktif dalam dunia penulisan.

## SINOPSIS BUKU



RUZAIN SYUKUR MANSOR  
**Legasi Ustaz U.K**  
Shah Alam, Selangor : Akademi Daie Pena, 2022.  
ISBN: 9789671935835

Buku *Legasi Ustaz UK* dihasilkan daripada pemerhatian mendalam terhadap sisi-sisi penerimaan Islam di bumi England. Beberapa perjuangan hak pengamalan akidah Islam ditulis sebagai legasi mudah-mudahan diterima Allah sebagai amal yang berpanjangan. Sebenarnya tidaklah sukar mengamalkan Islam di England setelah mengambil kira negara ini mengamalkan kebebasan hak asasi bersuara dan hak mengamalkan kepercayaan. Namun, sebagai penduduk minoriti, ada beberapa cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh orang Islam yang wajar dikongsi dengan pembaca. Misalnya Islamophobia, walaupun tidak ketara adakalanya memerlukan kebijaksanaan untuk ditangani. Mengamalkan agama dilatari dengan cuaca empat musim memerlukan kepintaran mengatur waktu agar waktu solat tidak terbabas. Berbeza budaya dan latar pegangan pula memerlukan kebijaksanaan agar ruang sosial yang ada tidak melangkaui batasan agama. Secara mudah, soal kembara di bumi asing melihat keindahan alam, keunikan bumi empat musim, pendidikan, nilai dan budaya serta amalan yang baik bagi pemastautin di bumi England.

## SINOPSIS BUKU




### **Isu-Isu Kaunseling : dan Psikologi dalam Norma Baharu**

Kajang, Selangor : Perkama International, 2022.  
ISBN: 9789671600443

Buku ini dihasilkan sebagai bahan bacaan pengamal-pengamal kaunseling khasnya di sekolah sebagai sumber maklumat kepada individu yang berhasrat untuk membantu mereka yang memerlukan terutamanya di kalangan kanak-kanak dan golongan remaja. Buku ini juga sesuai untuk dibaca oleh mereka yang berminat untuk menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman berkenaan isu-isu kaunseling dan psikologi serta cadangan intervensi dalam norma baharu yang telah diaplikasi oleh para penulis. Ia mengandungi artikel-artikel yang dapat memberi panduan bagi meningkatkan pengetahuan sedia ada kepada mereka yang terlibat. Kandungannya dimulakan dengan pengenalan senario pandemik Covid-19. Seterusnya kesan wabak ini yang menyebabkan stres, kebimbangan, kemurungan, masalah keluarga serta usaha yang dilakukan bagi memberi pertolongan kepada golongan berkenaan.


## SINOPSIS BUKU



**Gastronomi Alam Melayu**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2022.  
ISBN: 9789672517009

Gastronomi adalah sains rasa dan merasa. Buku ini memperlihatkan 10 bab berkisar perihal gastronomi (pemakanan) Melayu bermatlamatkan perkongsian mengenai gastronomi Melayu. Apa yang menariknya, setiap bab adalah daripada latar belakang disiplin ilmu yang pelbagai seperti bahasa, budaya, psikologi, sastera dan arkeologi. Setiap bab menyampaikan maklumat penting berkaitan ilmu pemakanan Melayu. Gandingan gastronomi dengan pelbagai bidang ilmu ini adalah penting untuk diketengahkan demi memastikan gastronomi menjadi bidang yang relevan dan vibran. Ia juga menjadi perbezaan besar antara ilmu kulinari dan ilmu gastronomi. Dalam erti kata lain gastronomi adalah bidang yang menerokai apa yang ada di meja hidangan, iaitu apa yang ada dalam hidangan, bagaimana dan mengapa ia dijamah, si pemakan, bagaimana ia disiapkan, etiket hidangan, hiasan dan juga aturan hidangan.


## SINOPSIS BUKU



**Antologi Cerpen Ahli Perubatan : Mustajabnya Tahajud Cinta**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022.  
ISBN: 9789834934163

*Antologi Cerpen Mustajabnya Tahajud Cinta* ialah hasil nukilan 16 orang ahli perubatan Universiti Sains Malaysia (USM), yang terdiri daripada doktor pakar dan pensyarah perubatan, pensyarah pergigian, alumni doktor USM, jururawat dan juruteknologi makmal perubatan menghasilkan antalogi cerpen yang bertemakan dunia perubatan. Antalogi ini juga membawa pelbagai persoalan dan kisah hidup masyarakat yang digarap daripada pengalaman merawat pesakit, bahkan ada juga hasil karya berdasarkan kisah benar yang dialami sendiri oleh penulis. Mesej utama adalah untuk menyampaikan maklumat, ilmu pengetahuan dan fakta berkaitan perubatan, kesihatan dan pergigian dengan betul dan tepat. Bahkan penyampaiannya ‘santai tetapi sampai’, sesuai untuk bacaan pesakit, keluarga pesakit, perawat, yakni doktor termasuk bakal doktor dan masyarakat umum. Bacaan seperti ini dapat menambah pengetahuan pembaca terutama berkaitan kaedah dan cara menangani kes pesakit, iaitu cara mencegah, mengawal, merawat, memaklumkan prognosis atau ramalan tentang penyembuhan sesuatu penyakit dan proses pemulihannya.

## SINOPSIS BUKU



FARID MAT ZAIN, MOHAMAD  
ZAIN MUSA, FATIMAH  
ABDULLAH  
**Sejarah dan Budaya  
Masyarakat Cam di Kemboja  
dan Malaysia**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2022.  
ISBN: 9789672516682

Buku ini ditulis berdasarkan kepada penyelidikan yang dilakukan terhadap masyarakat Cam yang tinggal di beberapa perkampungan di Kelantan. Kajian lapangan turut dilakukan di beberapa penempatan masyarakat Cam di sepanjang jalan mengelilingi Tasik Tonle Sap, Kemboja. Buku ini ditulis bertujuan untuk mendokumentasikan perubahan yang berlaku kepada masyarakat Cam sejak kejatuhan Kerajaan Campa dan diikuti dengan kehidupan masyarakat Cam di bawah pentadbiran komunis di Kemboja. Turut disentuh ialah penghijrahan sebilangan daripada mereka ke Malaysia, khususnya ke Kelantan. Secara tidak langsung, buku ini menghuraikan perubahan sosial dan budaya yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Cam tersebut terutama di kalangan mereka yang telah menetap di Malaysia. Buku ini diharap dapat dimanfaat oleh mereka yang ingin tahu dengan lebih lanjut tentang sejarah sosial dan budaya masyarakat Cam. Selain itu, ia diharap berguna kepada para pelajar yang mengkaji sejarah sosial Asia Tenggara.